

NO. SOALAN : 176

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]

SOALAN : 176

YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas tujuan sebenar penubuhan tribunal bagi menyiasat bekas-bekas ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

JAWAPAN: **YB DATUK LIEW VUI KEONG**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua

1. Tribunal ditubuhkan untuk menyiasat sama ada terdapat apa-apa tindakan oleh anggota Suruhanjaya Pilihan Raya semasa persiapan dan pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke-14 dan pada hari mengundi pada 9 Mei 2018 yang terjumliah kepada suatu salah laku atau tidak.
2. Tribunal hendaklah menjalankan siasatan sama ada wujud salah laku sebagaimana yang dinyatakan dalam pertuduhan terhadap anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu dan salah laku itu dilakukan oleh anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu ketika anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu masih memegang jawatan dalam Suruhanjaya Pilihan Raya.
3. Walau bagaimanapun peletakan jawatan oleh anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu tidak menghalang Tribunal untuk meneruskan siasatan terhadap anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu dan tidak menjadikan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya itu kebal daripada apa-apa hukuman yang boleh dikenakan terhadapnya sebagaimana yang dicadangkan oleh Tribunal dan disyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.